



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU TAHUN KETIGA 2022**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU TAHUN KETIGA 2022**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA: PRESTASI JUALAN RUNCIT MENINGKAT PADA SUKU TAHUN KETIGA 2022 BERBANDING TAHUN LEPAS BERIKUTAN PENINGKATAN PERMINTAAN DOMESTIK.

1. Pada suku tahun ketiga (Q3) 2022, prestasi jualan runcit menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 4.8 peratus dengan anggaran nilai meningkat daripada BND407.4 juta kepada BND427.0 juta. Dari segi volum jualan, ianya juga mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.4 peratus tahun-ke-tahun.
2. Peningkatan jualan runcit didorong terutamanya oleh peningkatan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 36.5 peratus, diikuti dengan peningkatan jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus 27.3 peratus; jualan di Stesen Minyak 22.8 peratus; dan jualan Jam Tangan dan Barang Kemas 22.8 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan permintaan domestik selaras dengan pengurangan langkah-langkah pengawalan berikutan tamatnya Fasa Awal Endemik COVID-19, yang mana jika dibandingkan pada suku tahun ketiga (Q3) tahun lepas, banyak sekatan pergerakan telah dilaksanakan bagi mengawal penularan COVID-19. Di samping itu, volum jualan bagi aktiviti-aktiviti runcit ini juga mencatatkan peningkatan.
3. Bagi perkhidmatan makanan dan minuman pula, ianya telah meningkat sebanyak 30.1 peratus berbanding suku tahun ketiga (Q3) 2021 dengan anggaran hasil jualan meningkat daripada BND81.1 juta kepada BND105.5 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 26.0 peratus tahun-ke-tahun.

4. Peningkatan hasil jualan makanan dan minuman adalah terutamanya disebabkan oleh hasil jualan bagi Restoran yang meningkat sebanyak 39.7 peratus, diikuti dengan peningkatan hasil jualan Kedai Makanan Segera sebanyak 32.1 peratus; Aktiviti Perkhidmatan Katering 8.7 peratus; dan Aktiviti Penyajian Minuman 6.3 peratus. Peningkatan ini adalah berikutan dengan ketiadaan had kapasiti yang telah bermula sejak awal bulan Jun 2022.
5. Berbanding dengan suku tahun kedua (Q2) 2022, jualan runcit pada suku tahun ketiga (Q3) 2022 telah menurun sebanyak 8.8 peratus disebabkan oleh penurunan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 33.8 peratus; jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus 22.9 peratus; jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi 17.8 peratus; jualan di Gedung Serbaneka 12.2 peratus dan jualan di Pasar Raya 5.9 peratus. Di samping itu, volum jualan bagi aktiviti-aktiviti runcit ini juga mencatatkan penurunan.
6. Manakala bagi perkhidmatan makanan dan minuman pula, ianya telah mencatatkan peningkatan sebanyak 6.9 peratus pada suku tahun ketiga (Q3) 2022 berbanding suku tahun kedua (Q2) 2022 terutamanya disebabkan oleh peningkatan hasil jualan bagi Aktiviti Perkhidmatan Katering sebanyak 44.1 peratus; Kedai Makanan Segera 16.5 peratus; dan Restoran 4.7 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2022

BRUNEI DARUSSALAM

HEADLINE: THE PERFORMANCE OF RETAIL SALES INCREASED IN THE THIRD QUARTER OF 2022 COMPARED TO LAST YEAR DUE TO RISE OF DOMESTIC DEMAND.

- 1. In the third quarter (Q3) 2022, the performance of the retail sales showed a year-on-year increase of 4.8 per cent with an estimated value increased from BND407.4 million to BND427.0 million. In terms of volume, the retail sales also recorded a positive growth of 2.4 per cent year-on-year.*
- 2. The increase in retail sales was mainly caused by an increase in sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 36.5 per cent, followed by sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores 27.3 per cent; sales at Petrol Station 22.8 per cent; and sales of Watches and Jewellery 22.8 per cent. The increase was due to the rise in domestic demand in line with the reduction in control measures following the cessation of the COVID-19 Early Endemic Phase as opposed to the third quarter (Q3) in the previous year, in which most movement restrictions were reinstated to control the spread of COVID-19. In addition, the sales volume of these retail activities also registered an increase.*
- 3. As for the food and beverages services, it has increased by 30.1 per cent compared to Q3 2021 with an estimated sales revenue increased from BND81.1 million to BND105.5 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a positive growth of 26.0 per cent year-on-year.*

4. *The increase in sales revenue of food and beverages was mainly attributed by the increase in the sales revenue of Restaurants by 39.7 per cent, followed by the increase in sales revenue of Fast-food Outlets by 32.1 per cent; Catering Service Activities 8.7 per cent; and Beverage Serving Activities 6.3 per cent. The increase was due to the no dine-in capacity limitations since early June 2022.*

5. *Compared to the second quarter (Q2) 2022, the retail sales in Q3 2022 has recorded a decrease of 8.8 per cent mainly due to a decrease in the sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 33.8 per cent; sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores 22.9 per cent; sales of Computer and Telecommunications Equipment 17.8 per cent; sales at Department Store 12.2 per cent; and sales at Supermarket 5.9 per cent. Furthermore, the sales volume of these retail activities also registered a decline.*

6. *As for the food and beverage services, it has recorded an increase of 6.9 per cent in Q3 2022 compared to Q2 2022 mainly due to the increase in sales revenue of Catering Service Activities by 44.1 per cent; Fast-Food Outlets 16.5 per cent; and Restaurants by 4.7 per cent.*

7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provides an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*